

Belajar berkumpulan kunci kejayaan

KOSMO 3/9/07

BATU PAHAT - Dua pelajar cemerlang Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menerima Anugerah Diraja menyifatkan belajar berkumpulan adalah sebagai yang terbaik untuk meraih kejayaan.

Hanafi Khamis dan Lim Chin Wei ketika ditemui berkata, banyak perkara boleh diperoleh jika mengamalkan semangat bekerjasama di kalangan pelajar.

Kata Hanafi, tumpuan ketika di dalam dewan kuliah memang perlu, selain membuat tugas yang diberi.

"Namun belajar dalam satu kumpulan empat atau lima orang banyak membantu.

"Apa yang kita tahu boleh dikongsi dengan pelajar lain," katanya ketika ditemui selepas menerima anugerah tersebut pada majlis konvokesyen keenam UTHM, di sini semalam.

Hanafi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional, manakala Chin Wei mendapat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (pembinaan).

Lebih menarik, kedua-duanya saling kenal antara satu sama lain kerana belajar di sekolah sama iaitu di Sekolah Menengah Teknik Bukit

Piatu, Melaka.

Hanafi yang sedang menunggu tawaran untuk ditempatkan di mana-mana institut pengajian tinggi (IPT) sebagai pensyarah berasal dari Melaka dan bukanlah pelajar cemerlang ketika di sekolah.

"Saya bersyukur ketika ditawarkan ke kolej matrikulasi selepas periksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keputusan yang tidak begitu baik.


"Kesedaran wujud selepas itu dan saya nekad untuk menebus semula kesilapan lalu dengan belajar lebih tekun sehingga saya berjaya mendapat ijazah," katanya.

Jelasnya lagi, kegagalan sebelum ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menjadi yang terbaik.

Bagi Chin Wei yang kini bekerja sebagai jurutera di sebuah syarikat Malaysia di Sudan, impiannya untuk menjadi yang terbaik sentiasa menjadi sasaran.

"Walaupun tidak menduga akan menerima anugerah ini, saya yakin akan berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan yang ambil.

"Apa yang penting, kita kena rajin dan jangan berpuas hati dengan apa yang kita tahu dan kerana itulah saya tekanan pentingnya buat kumpulan belajar," katanya.



HANAFI (kanan) bersama rakannya Chin Wei bersama pingat Anugerah Diraja yang diterima oleh mereka pada majlis konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia keenam, di Batu Pahat semalam.